



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KKDW ANJUR JUALAN DESA MADANI MERIAHKAN SAMBUTAN KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos - Sempena meraikan sambutan Hari Kebangsaan ke-66, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menganjurkan Jualan Desa Madani (JDM) dalam usaha membantu usahawan luar bandar mengembangkan perniagaan mereka.

50 gerai usahawan dari pelbagai agensi di bawah KKDW menyertai program ini dari kategori kecantikan, kesihatan, kraftangan, fesyen pakaian, makanan dan minuman.

Jualan Rahmah barangan keperluan dengan potongan harga 10 hingga 30 peratus serta 'happy hour' barangan terpilih ditawarkan sepanjang JDM berlangsung pada 28 hingga 30 Ogos.

JDM yang diadakan di Bangunan MARA dan Busana MARA ini dimeriahkan dengan gerai usahawan selebriti yang mempromosikan pelbagai produk keluaran mereka.

Selain aktiviti jualan, turut diadakan program bual bicara keusahawanan, demonstrasi masakan Masterchef selebriti dan persembahan artis yang disiarkan di platform media sosial KKDW.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi meluangkan masa hampir sejam meninjau aktiviti program JDM selain mengagihkan jalur gemilang kepada 250 kakitangan MARA.

-TAMAT-

Disediakan
Unit Komunikasi Korporat KKDW
28 Ogos 2023

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my